

# Kajian serantau terhadap wanita dikongsikan



MAJLIS Pelancaran ASEAN Regional Study on Women, Peace and Security yang dijalankan secara maya dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Wanita Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bersama Naib-naib Yang Dipertua MWNBD (atas). Sementara gambar kanan, Tuan Yang Terutama Setiausaha Agung ASEAN menyampaikan ucapan alu-aluan secara maya pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 Mac. - Sempena Hari Antarabangsa Wanita (IWD) tahun ini, ASEAN melancarkan Perasmian Kajian Serantau ASEAN terhadap Wanita, Keamanan dan Sekuriti yang merupakan kerjasama di antara ASEAN, Kerajaan Amerika Syarikat (AS) menerusi US Agency for International Development (USAID) dan Wanita Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN Women), di mana mereka bekerjasama untuk menghasilkan kajian ini.

Kajian inovatif tersebut menyajikan cadangan, berdasarkan bukti untuk mendukung negara anggota dalam meningkatkan pentingnya penyertaan wanita dalam membina

keamanan, pencegahan konflik dan penyelesaian konflik dengan komitmen serantau juga antarabangsa.

Antara objektif pelancaran tersebut, untuk mempromosikan kesedaran mengenai dapatan kajian serantau dan cadangan pelaksanaan menerusi Kenyataan Bersama bagi Mempromosikan Wanita, Keamanan dan Sekuriti di ASEAN, merentasi tiga tonggak Komuniti ASEAN dan dengan rakan dialog juga pembangunan ASEAN yang lain.

Majlis pelancaran yang diadakan secara maya tersebut dihadiri oleh Yang Dipertua Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Datin Hajah Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof.

Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi, dalam ucapan alu-aluannya, antara lain menyatakan rasa berbesar hati dapat mengongsikan kajian serantau pertama mengenai wanita, keamanan dan keselamatan di ASEAN tersebut untuk menegaskan komitmen terhadap kesaksamaan jantina, kepimpinan wanita dan penyatuannya ke dalam Rangka Kerja Pemulihan Komprehensif ASEAN dan Visi ASEAN Pasca 2025.

"Kajian ini menetapkan bukti asas yang kukuh untuk membimbing usaha dalam memajukan Kenyataan Bersama bagi Mempromosikan Wanita, Keamanan dan Sekuriti di ASEAN pada tahun-tahun mendatang,"

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



jelas Tuan Yang Terutama.

Selain itu, TYT juga mengumumkan bahawa Perancangan Tindakan Serantau bagi Memajukan Wanita, Keamanan dan Keselamatan sedang dirancang untuk 2021 - 2022.

Manakala pada sebelah petang, diadakan Sesi Webinar, bertajuk 'Women and the Environment : Achieving Sustainable Development Goals', antara lain turut membincangkan 'Protection, Gender Equality and Social Inclusion in Disaster Management in ASEAN'. Majlis telah berlangsung di Ibu Pejabat, Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), Kampung Anggerek Desa.

Juga hadir, Naib Yang Dipertua I, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat; Naib Yang Dipertua II,

Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali; Naib Yang Dipertua III, Dayang Hajah Kertini binti OKPSD Haji Abu Hanifah; Setiausaha Kehormat Dayang Hajah Arbaeyah binti OKSW Haji Abdullah; juga wakil-wakil tetap 13 persatuan yang bergabung bersama MWNBD.

IWD disambut pada 8 Mac setiap tahun bagi menghargai peranan dan mengiktiraf pencapaian para wanita dalam usaha bersama memacu kemajuan negara dalam pelbagai bidang, merangkumi sosial, ekonomi, budaya dan politik.

Di seluruh dunia, pelbagai acara diadakan bagi memeriahkan tema tahun ini, iaitu 'Wanita Dalam Kepimpinan : Mencapai Masa Depan yang Saksama dalam Dunia COVID-19' atau 'Women in Leadership : Achieving an Equal Future in a COVID-19 World'.

# K2P2I Siri Ke-3 pupuk sifat kepimpinan

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam mengadakan Program Kem Kepimpinan Pelaku Pembangunan Islam (K2P2I) Siri Ke-3 selama tiga hari, bermula dari 4 hingga 6 Mac lalu, bertempat di Pusat Belia, Bandar Seri

Begawan. Program tersebut disertai seramai 42 peserta, termasuk 13 Ahli Jawatankuasa, yang terdiri daripada para mahasiswa Tahun 1 hingga 4, dari Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam.

Kem kepimpinan ini dianjurkan oleh Badan Pelajar



DEKAN Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri bergambar ramai bersama para peserta Kem Kepimpinan Pelaku Pembangunan Islam (K2P2I) Siri Ke-3 (atas). Sementara gambar kiri, antara para peserta K2P2I Siri Ke-3 pada kem tersebut.

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (IDeMS), di bawah pengendalian Ahli Jawatankuasa Tahun 2.

Antara objektif program adalah untuk melatih para peserta dan Ahli Jawatankuasa agar lebih berdisiplin juga memberikan kesedaran awal betapa pentingnya mempunyai sifat kepimpinan di setiap diri mahasiswa Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, di samping boleh meningkatkan keyakinan diri justeru melahirkan para mahasiswa yang boleh dijadikan contoh dengan memiliki ciri-ciri seorang pemimpin yang berkualiti.

Program juga adalah untuk memupuk sifat pemeduliaan dalam diri peserta dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama mahasiswa dalam fakulti ini.

Menyedari akan agenda program ini ke arah mentransformasikan diri dalam pengurusan dan kepimpinan kepada para peserta juga ahli Jawatankuasa, sama ada yang bersifat fizikal, namun intervensi rohani dan amat dititikberatkan kerana ia merupakan elemen yang amat signifikan untuk dijiwai.

Penerapan solat berjemaah Fardu dan Qiamullail juga tazkirah

secara berjadual ke arah menjadikan para peserta sebagai pelaku pembangunan Islam di masa akan datang.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup program, Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Azlan bin Pengiran Haji Omar Tengah dan Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.